



UKK/600-01/02 Jld 7

SIARAN MEDIA

KELUARGA SENI MALAYSIA; SENI DI HATI @ ART TO HEART 2022

KUALA LUMPUR – Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022 dan sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2022 ini, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) menganjurkan program Keluarga Seni Malaysia; Seni Di Hati @ Art To Heart 2022. Program ini berlangsung pada 10 September 2022 (Sabtu), bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam bertempat di Balai Seni Negara, Kuala Lumpur.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang program berlangsung. Antaranya Pertandingan Seni Lukis Sempena Ulangtahun Kemerdekaan Malaysia Ke-65, Pertandingan Busana Merdeka, Bicara Seni sempena Pameran Foto Seni dan Kuiz EDU @ NUSA. Bagi pertandingan seni lukis, ia terbuka kepada 4 kategori iaitu Kategori Khas OKU; Kategori A (7 tahun hingga 9 tahun); Kategori B (10 tahun hingga 12 tahun); Kategori C (13 tahun hingga 15 tahun). Manakala bagi pertandingan busana pula, penyertaan adalah terbuka. Para peserta berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai, barangan tajaan Xiaomi, hamper dan sijil penyertaan.

Selain pertandingan dan kuiz, program turut diserikan dengan persembahan Kesenian dan Kebudayaan GENIUS SENI daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Demonstrasi Seni Pembuatan Kopi, Pertunjukkan Silap Mata dan Persembahan Seni Muzik oleh Arish, Fendy Caliph Buskers dan Bob Sentuhan.

Disamping itu, bagi meraikan Pameran Fotoseni yang kini sedang berlangsung di ruang Galeri Potret, LPSVN menganjurkan sesi Bicara Seni Bersama YBrs. Professor Madya Hasnul Jamal Saidon, bertempat di Grey Zone Bangunan Galeri Balai Seni Negara pada jam 3.00 petang. Para pengunjung turut berpeluang untuk mengikuti aktiviti lawatan berpandu ke galeri yang diadakan secara 3 sesi iaitu pada jam 10.00 pagi, 2.00 petang dan 8.00 malam.

Program turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi LPSVN, YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah LPSVN dan seluruh warga LPSVN.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang LPSVN di www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my